From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: AHSGS ANJUR PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI PASCASISWAZAH SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN
Date: Friday, 18 September, 2026 6:37:36 PM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

18 SEPTEMBER 2026 / 6 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Norazianti Zakaria
Gambar oleh: Jamil Muin Shafie

AHSGS ANJUR PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI PASCASISWAZAH SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN



UUM OLINE: Khidmat Komuniti Pascasiswazah: “Semarak Merdeka: Bakti Komuniti, Jiwa Patriotik” sempena Bulan Kebangsaan 2026 telah berjaya dilaksanakan pada 15 September 2026 bertempat di Surau Batu Sungai, Bukit Kachi.

Program yang melibatkan staf AHSGS dan pelajar pascasiswazah Universiti Utara Malaysia (UUM) ini merupakan satu inisiatif khidmat komuniti yang bertujuan memupuk semangat patriotisme, kesukarelawanan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan staf dan pelajar melalui penglibatan secara langsung dalam aktiviti kemasyarakatan.



Antara aktiviti yang dilaksanakan termasuk gotong-royong membersihkan kawasan dalam dan luar surau, kerja-kerja menceriakan kawasan terpilih serta menghias persekitaran surau dengan Jalur Gemilang bersempena sambutan Bulan Kebangsaan.

Selain aktiviti gotong-royong, program turut diserikan dengan penyerahan sumbangan kepada pihak Surau Batu Sungai sebagai tanda keprihatinan dan penghargaan UUM terhadap komuniti setempat.

Pelaksanaan program ini bukan sahaja menyumbang kepada persekitaran surau yang lebih bersih, ceria dan kondusif, malah menjadi wadah untuk mengukuhkan hubungan silaturahim antara UUM dengan masyarakat setempat.



Penglibatan pelajar pascasiswazah dalam program ini turut memberi ruang kepada mereka untuk menghayati nilai kepimpinan, kerjasama, keprihatinan dan semangat kesukarelawanan, selaras dengan peranan institusi pengajian tinggi dalam memberikan manfaat kepada masyarakat.

Dengan mengangkat tema “Bakti Komuniti, Jiwa Patriotik”, program ini mencerminkan semangat warga UUM untuk terus menyumbang kepada masyarakat, di samping menyemarakkan nilai patriotisme dan perpaduan bersempena Bulan Kebangsaan 2026.

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.